

Ruj. Kami : ANM(B)MEL/62 JLD.2 ( 5 )  
Tarikh : 1 Jun 2021  
Bersamaan : 20 Syawal 1442H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)**  
**Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

**PEMANTAUAN STATUS PEMBAYARAN PESANAN KERAJAAN (BEKALAN & PERKHIDMATAN)**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, didapati masih terdapat Pesanan Kerajaan yang telah dibuat penerimaan bekalan / perkhidmatan tetapi masih belum dibuat pembayaran oleh PTJ tuan sehingga **31 Mei 2021** seperti di **Lampiran A**. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103, Ketua Jabatan hendaklah memastikan **bil dibayar dengan segera** tidak lewat dari **14 hari** dari tarikh dokumen diterima dengan lengkap dan sempurna.

3. Sehubungan itu, pihak tuan diminta untuk menyemak **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** yang boleh dijana melalui modul Perolehan sistem iGFMAS untuk melihat status terkini Pesanan Kerajaan yang terlibat. Pembayaran hendaklah dibuat dengan kadar segera sekiranya penerimaan bekalan / perkhidmatan telah disempurnakan dan dokumen lengkap telah diterima. Peraturan semasa yang masih berkuatkuasa juga hendaklah dipatuhi.

4. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai kami Puan Nor Rashidah Binti Kadam / Cik Nor Azlina Binti A. Rahman di talian 06-289 5086 / 5007 atau melalui emel **upd\_mlk@anm.gov.my**

Sekian, terima kasih.

**Seksyen Operasi**  
**Jabatan Akauntan Negara Malaysia**  
**Negeri Melaka**